# Azmani bin Che Rose lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–152 TAHUN 2009
AHMAD MAAROP, CLEMENT SKINNER DAN MOHAMED APANDI HHMR
2 NOVEMBER 2011

*Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Pembelaan — Pemeriksaan balas — Dakwaan bahawa saksi pendakwaan berbohong dan memberi keterangan palsu — Tiada cabaran atau saranan dibuat kepada saksi pendakwaan bahawa dia berbohong — Corak dan halatuju pemeriksaan balas terhadap saksi pendakwaan — Sama ada pembelaan dibuktikan*

*Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran — 3,857g kanabis — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Dadah ditemui dalam kereta tertuduh — Sama ada terdapat break dalam rantaian keterangan — Sama ada saksi pendakwaan berbohong dan memberi keterangan palsu — Tiada cabaran atau saranan dibuat kepada saksi pendakwaan bahawa dia berbohong — Sama ada tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan tentang dadah berbahaya — Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

Perayu ('Azmani') telah dituduh bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya, iaitu 3,857g kanabis di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Menurut pihak pendakwaan, pada 24 Jun 2004 lebih kurang jam 9 pagi, Azmani telah menghantar keretanya Honda Civic ('kereta Honda') ke bengkel kereta SP1 untuk diperbaiki. Pada masa SP1 menerima kereta Honda itu, SP1 menemui sebuah beg galas di atas tempat duduk belakang. SP1 mengambil beg tersebut dan menyimpannya di dalam but kereta Honda itu. SP1 tidak membuka beg tersebut. SP1 bekerja memperbaiki kereta itu sehingga jam 6 petang tetapi masih ada kerosakan yang masih belum diperbaiki. Oleh sebab itu pada lebih kurang jam 6 petang, SP1 telah meminjamkan kereta Volkswagen WBV 9472 ('kereta Volkswagen') kepunyaan Datin Zaitun kepada Azmani untuk membolehkan Azmani balik ke rumahnya. Kereta Volkswagen itu telah dibawa ke bengkel SP1 pada 21 Jun 2004 untuk diperbaiki. Pada lebih kurang jam 6.30 petang 24 Jun 2004, Azmani datang semula ke bengkel SP1 dan mengambil beg galas dari dalam but kereta Honda, dan membawanya masuk ke dalam kereta Volkswagen. Bertindak atas maklumat, SP4 dan beberapa orang anggota polis telah menyerbu kereta Volkswagen yang dipandu oleh Azmani di stesyen minyak Mobil. SP4 telah menjumpai kanabis di dalam beg galas tersebut. Mahkamah Tinggi telah mendapati Azmani bersalah,

mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Azmani telah merayu terhadap keputusan tersebut. Peguam perayu berhujah bahawa: (i) keterangan SP1 menimbulkan keraguan yang munasabah tentang apa yang berlaku di bengkelnya pada masa yang material; (ii) terdapat *break* dalam rantaian keterangan kerana kunci kereta dan serangkai empat batang anak kunci yang dirampas tidak dikemukakan sebagai ekshibit di mahkamah; (iii) keterangan SP4 bahawa dia menemui kad pengenalan Azmani dalam beg galas tersebut adalah suatu keterangan yang tidak benar dan sengaja direka; dan (iv) walaupun beg galas tersebut berada dalam kereta berkenaan, Azmani tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya di dalamnya.

**Diputuskan**, menolak rayuan dan mengesahkan sabitan dan hukuman mati:

(1) Bila keseluruhan keterangan SP1 ditimbangkan, urutan peristiwa yang berlaku di bengkel SP1 dari jam 9 pagi 24 Jun 2004 sehingga lebih kurang jam 6.30 petang 24 Jun 2004 adalah jelas. Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan SP1, masa '6.06 minit' dalam keterangan SP1 yang dipertikaikan itu adalah kesilapan dari segi masa, yang tidak menjejaskan intipati dan butir-butir yang material dalam keterangan SP1 (lihat perenggan 7).

(2) Dalam keterangannya SP6 menyatakan bahawa selain dari beg galas dan empat ketulan mampat daun-daun kering, SP4 juga telah menyerahkan kepadanya kereta Volkswagen berserta anak kuncinya. Menurut SP6, kereta dan kunci kereta tersebut telah diserahkannya kepada Kpl Salleh bin Khamis di stor barang kes Ampang. Keterangan ini tidak dipertikaikan. Kedudukan mengenai empat batang anak kunci tersebut pula telah dijelaskan oleh SP6. Jadi, empat batang kunci tersebut memang wujud. Kunci tersebut adalah kunci rumah Azmani yang telah digunakan dalam siasatan kes lain dan kunci tersebut telah dijadikan ekshibit dalam kes itu. Keterangan ini juga tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Fakta bahawa kunci kereta Volkswagen dan empat batang anak kunci tersebut tidak dikemukakan sebagai keterangan dalam kes ini tidak menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan. Fakta yang jelas dari pada keterangan SP4 dan SP5 ialah Azmani tiba di tempat kejadian seorang diri dengan memandu kereta Volkswagen. Selepas Azmani ditahan SP4 menemui beg galas berisi empat ketulan mampat di atas tempat duduk kereta itu sebelah Azmani. Itu yang penting (lihat perenggan 8–9).

(3) Hujah bahawa SP4 berbohong tentang penemuan kad pengenalan dalam beg galas tersebut tidak ditimbulkan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Hujah tersebut ditimbulkan pertama kalinya semasa rayuan. Dakwaan bahawa pihak polis berbohong dan memberi keterangan palsu dalam kes ini untuk menguatkan kes pengedaran dadah berbahaya terhadap Azmani adalah suatu dakwaan yang amat serius. Tiada cabaran

atau saranan dibuat kepada SP4 bahawa dia berbohong dalam menyatakan bahawa kad pengenalan Azmani dijumpai dalam beg galas tersebut. Adalah tidak adil dakwaan yang serius itu ditimbulkan di peringkat ini di mana SP4 tidak berpeluang menjelaskan atau membela dirinya terhadap dakwaan tersebut (lihat perenggan 10).

(4) Adanya empat ketulan di dalam kereta Volkswagen dalam kedudukan seperti yang dibuktikan dalam keterangan, tanpa penjelasan yang munasabah dari Azmani, boleh menimbulkan inferens yang kuat bahawa Azmani mempunyai pengetahuan bahawa empat ketulan mampat tersebut mengandungi kanabis. Maka, tiada keraguan bahawa Azmani bukan sahaja mempunyai kawalan dan jagaan terhadap empat ketulan mampat dadah tersebut, tetapi juga mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut. Pemilikan secara afirmatif telah dibuktikan (lihat perenggan 12 & 14).

(5) Bentuk pembelaan orang kena tuduh dikenal pasti bukan sahaja dari keterangan orang kena tuduh tetapi juga dari corak dan halatuju pemeriksaan balas yang dilakukan terhadap saksi-saksi pihak pendakwaan. Pembelaan Azmani adalah suatu yang difikirkan kemudian. Azmani gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap Azmani melampaui keraguan yang munasabah bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya (lihat perenggan 16).

**[English summary**

The appellant ('Azmani') was accused for an offence of trafficking in dangerous drugs, to wit, 3,857g of cannabis under the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). According to the prosecution, on 24 June 2004 at approximately 9am, Azmani had sent his car Honda Civic ('Honda car') to SP1's car workshop to be repaired. When SP1 received the Honda car, SP1 found a sling bag on the back seat. SP1 took the bag and kept it in the Honda car boot. SP1 did not open the bag. SP1 worked to repair the car until 6pm but there were still faults which were not repaired. Therefore at about 6pm, SP1 had lent the Volkswagen WBV 9472 ('the Volkswagen car') belonging to Datin Zaitun to Azmani to enable Azmani return to his house. The Volkswagen car was brought to SP1's workshop on 21 June 2004 to be repaired. At about 6.30pm on 24 June 2004, Azmani returned again to SP1's workshop and took the sling bag from the Honda car boot, and took it into the Volkswagen. Acting on information, SP4 and a few police officers ambushed the car driven by Azmani at the Mobil petrol station. SP4 found cannabis in the sling bag. The High Court found Azmani guilty, convicted and sentenced him to death. Azmani appealed against the decision. The appellant's counsel contended that: (i) SP1's evidence raised reasonable doubt as to what had taken place in his workshop at the material time; (ii) there was a break in the chain of evidence as the car key and a bunch of four key which was confiscated was not produced as exhibit in the court; (iii)

SP4's testimony that he found Azmani's identity card in the sling bag was an unreliable evidence and was invented; and (iv) although the sling bag was in the car, Azmani did not have any knowledge of the drugs in it.

**Held**, dismissing the appeal and affirming the conviction and death sentence:

(1) Weighing SP1's evidence as a whole, the chronology of event which took place at SP1's workshop from 9am of 24 June 2004 until about 6.30pm of 24 June 2004 was clear. Upon weighing SP1's evidence in totality, the time '6.06 minit' in SP1's evidence which was disputed was a mistake of time, which did not affect the essence and material details in SP1's evidence (see para 7).

(2) In his testimony SP6 stated that apart from the sling bag and four compressed slabs of dried leaves, SP4 also had delivered to him a Volkswagen car together with its ignition key. According to SP6, the car and its key was handed by him to Kpl Salleh bin Khamis at case material store in Ampang. This evidence was not disputed. The position of the four keys had been explained by SP6. Thus, the four keys did exist. The key was Azmani's house key which was used in the investigation of other case and the key was made as exhibit in that case. This evidence was also not disputed by the defence. The fact that the Volkswagen car key and the four keys were not tendered as evidence in this case did not raise reasonable doubt in the prosecution's case. The clear facts from SP4 and SP5's testimony was that Azmani arrived at the scene alone driving the Volkswagen car. Upon the arrest of Azmani, SP4 found the sling bag containing four compressed slabs on the car seat next to Azmani. That was what was important (see paras 8–9).

(3) The contention that SP4 was lying about the finding of the identity card in the sling bag was not raised during the trial in the High Court. The contention was raised for the first time in the appeal. The allegation that the police was lying and giving false evidence in this case to strengthen the case of trafficking dangerous drugs against Azmani was a very serious allegation. There was no challenge or suggestion put to SP4 that he was lying in saying that Azmani's identity card was found in the sling bag. It was unfair to raise such a serious allegation at this stage in which SP4 had no opportunity to explain or to defend himself against the allegation (see para 10).

(4) The existence of the four slabs in the Volkswagen car in the position as proved in evidence, without reasonable explanation from Azmani, could raise a strong inference that Azmani had the knowledge that the four compressed slabs contained cannabis. Thus, there was no doubt that Azmani did not only have the custody and control of the four compressed slabs of the drugs, but also the knowledge of the drugs. Affirmative possession was proved (see paras 12 & 14).

A (5) The form of defence of an identified accused is not only from the testimony of the accused but also from the pattern and the direction of cross-examination of the prosecution witnesses. Azmani's defence was an afterthought. Azmani had failed to raise a reasonable doubt on the prosecution's case. The prosecution had proved its case against Azmani
B beyond reasonable doubt for the offence of trafficking in dangerous drugs (see para 16).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai pembelaan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed 2010
C reissue) perenggan 5111–5118.
Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed 2010 Reissue) perenggan 445–592.

**Kes-kes yang dirujuk**

D *Browne v Dunn* (1893) 6 R 67, HL (dirujuk)
*Chua Beow Huat v PP* [1970] 2 MLJ 29 (dirujuk)
*PP v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
*PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1, MT (dirujuk)

E **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(d)
Kanun Keseksaan

**Rayuan daripada:** Perbicaraan Jenayah No 45–72 Tahun 2005.

F

*Fahri Azad (Azzat & Izzat) bagi pihak perayu.*
*Najib bin Zakaria (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

G **Ahmad Maarop HMR:**

PENGENALAN

**[1]** Perayu — Azmani bin Che Rose ('Azmani') telah dituduh di Mahkamah
H Tinggi bagi satu kesalahan mengedar dadah berbahaya, iaitu 3,857g *cannabis* pada jam lebih kurang 7.45 malam, 24 Jun 2004, di Stesyen Minyak Mobil, KM 2 Lebuh Raya Kuala Lumpur — Seremban ('tempat kejadian'). Mahkamah Tinggi mendapati Azmani bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Azmani merayu ke mahkamah ini.

I

**[2]** Dua orang hakim terlibat dalam mengendalikan perbicaraan kes ini di Mahkamah Tinggi. YA hakim bicara pertama telah mendengar keterangan SP1, SP2, SP3 dan sebahagian keterangan SP4 dalam pemeriksaan utama, sebelum perbicaraan ditangguhkan. Pada 8 Januari 2009 YA hakim bicara

kedua telah mengambil alih perbicaraan kes ini dan menyambung perbicaraan dari peringkat perbicaraan ditangguhkan oleh YA hakim bicara pertama. Peguam Azmani dan timbalan pendakwa raya yang mengendalikan kes ini tidak mempunyai bantahan. Dalam menyambung perbicaraan kes ini YA hakim bicara kedua telah mendengar sambungan keterangan SP4 dalam pemeriksaan utama dan meneruskan perbicaraan sehingga selesai.

KES PIHAK PENDAKWAAN

**[3]** Kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 24 Jun 2004 lebih kurang jam 9 pagi, Azmani menghantar keretanya Honda Civic berwarna putih ('kereta Honda') ke bengkel kereta Ahmad Faizal bin Mohd Ali ('SP1') di Kg Bam untuk diperbaiki. *Gearbox* kereta tersebut rosak. Pada masa SP1 menerima kereta Honda itu, SP1 menemui sebuah beg galas di atas tempat duduk belakang. SP1 mengambil beg tersebut dan menyimpannya di dalam but kereta Honda itu. SP1 tidak membuka beg tersebut. SP1 bekerja memperbaiki kereta itu sehingga jam 6 petang tetapi masih ada kerosakan yang masih belum diperbaiki. Oleh sebab itu pada lebih kurang jam 6 petang, SP1 telah meminjamkan kereta Volkswagen WBV 9472 ('kereta Volkswagen') kepunyaan Datin Zaitun kepada Azmani untuk membolehkan Azmani balik ke rumahnya. Kereta Volkswagen itu telah dibawa ke bengkel SP1 pada 21 Jun 2004 untuk diperbaiki. Pada lebih kurang jam 6.30 petang 24 Jun 2004, Azmani datang semula ke bengkel SP1 dan mengambil beg galas dari dalam but kereta Honda, dan membawanya masuk ke dalam kereta Volkswagen. Kemudian, Azmani meninggalkan bengkel SP1 dengan menaiki kereta Volkswagen.

**[4]** Bertindak atas maklumat, pada lebih kurang jam 6.20 petang 24 Jun 2004, Penolong Penguasa Polis Radzi bin Hussain (SP4) dan beberapa orang anggota polis termasuk Sjn Detektif Ng Teoh Ho ('SP4') telah mengambil tempat masing-masing di tempat kejadian. Suhaimi dan Detektif Sazali di satu tempat lebih kurang 5 meter dari salah satu pam minyak di tempat kejadian. Pada lebih kurang jam 7.40 malam, SP4 nampak kereta Volkswagen yang dipandu oleh Azmani masuk ke Stesyen Minyak Mobil itu dan berhenti berhampiran pam minyak diesel. Hanya Azmani seorang yang ada dalam kereta Volkswagen. Selepas membuat pemerhatian lebih kurang 5 minit, SP4 dan pasukannya telah menyerbu kereta Volkswagen itu. SP4 dan Kpl Razak menuju ke arah pintu kiri hadapan kereta itu sementara SP5 dan Sjn Suhaimi menuju ke arah pintu kanan hadapan kereta itu. SP4 telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai kanan Polis dengan menunjukkan kad kuasanya. Semasa membuka pintu penumpang hadapan, SP4 nampak satu beg galas di tempat duduk di sebelah Azmani. Azmani telah ditangkap. Dengan disaksikan oleh Azmani, SP4 telah memeriksa beg galas tersebut (jenama Echolac) dan mendapati di dalamnya ada empat ketulan mampat daun-daun kering yang

disyaki *cannabis* yang diikat dengan tali rafia hijau. SP4 telah membawa empat ketulan mampat tersebut dan juga Azmani ke IPD Subang Jaya di Seri Kembangan. Empat ketulan mampat tersebut telah dihantar kepada ahli kimia, Wan Rahimah binti Wan Ahmad ('SP7') yang mengesahkan bahawa empat ketulan mampat tersebut mengandungi 3,857g *cannabis* di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB').

**[5]** Dalam hujahnya memohon rayuan Azmani dibenarkan, peguamnya mengemukakan beberapa alasan.

ALASAN PERTAMA

*Keterangan SP1 tidak ditimbang dengan teliti*

**[6]** Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara kedua telah tidak menimbangkan dengan teliti keterangan SP1. Menurut peguam, keterangan SP1 menimbulkan keraguan yang munasabah tentang apa yang berlaku di bengkelnya pada masa yang material. Untuk menyokong hujahnya peguam merujuk kepada petikan berikut yang menurut peguam adalah petikan dari keterangan SP1:

> Pada 22.6.04 masih ada kerosakan yang belum dibaiki. Pada 24.6.04 saya ada serahkan kereta kepada Encik Azmani; pada pukul 6.00 petang. … Saya serahkan kerana dia hendak balik ke rumah … Saya baiki keretanya sehingga siap pukul 6.00 petang tapi ada kerosakan yang masih belum diperbaiki (see p 9, second paragraph, RR jilid 1).
>
> … Beg itu ada dalam but Honda Civic sampai pukul 6 petang. Tertuduh ada datang semula minta beg itu. Dia datang lebih kurang jam 6.30 petang. *Dia masukkan beg itu pukul 6.06 minit* (see p 10, last 3 lines, first paragraph, RR Jilid 1) (Emphasis added.)

**[7]** Peguam berhujah bahawa keterangan SP1, 'dia masukkan beg itu pukul 6.06 minit', adalah tidak munasabah dan tidak masuk akal. Peguam menyatakan jika Azmani telah meninggalkan bengkel SP1 pada pukul 6 petang untuk balik ke rumahnya bagaimana Azmani boleh memasukkan beg itu pukul 6.06 petang? Menurut peguam juga, jika Azmani telah masukkan beg itu pukul 6.06 petang, adalah tidak masuk akal bagi Azmani untuk datang kembali ke bengkel SP1 pada pukul 6.30 petang untuk mengambil beg tersebut. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Keterangan SP1, 'Dia masukkan beg itu pukul 6.06 minit' tidak boleh dilihat secara berasingan dan *out of context*. Keterangan tersebut hendaklah ditimbangkan dan dinilai bersekali dengan keseluruhan keterangan SP1. Sehubungan ini kami rujuk petikan yang relevan dalam keterangan SP1:

Pada 24.6.04 saya ada serahkan kereta kepada Encik Azmani; pada pukul 6.00 petang. Saya kenal Encik Azmani sebagai pelanggan. Saya akan cuba mengecam dia. Dia di kandang. Tertuduh dicamkan. Saya serahkan kereta kepada Tertuduh kerana dia hendak balik ke rumah. Kereta Tertuduh rosak. Dia ada hantar kereta dia, Honda Civic warna putih untuk diperbaiki. Dia datang waktu pagi, jam 9.00 pagi untuk hantar keretanya. Saya baiki keretanya sehingga siap pukul 6.00 petang tapi ada kerosakan yang masih belum diperbaiki.

Oleh sebab itu saya hantar kereta Datin Zaitun untuk hantar Tertuduh balik ke rumah. Waktu itu tiada apa-apa barang dalam Volkswagen putih. Masa terima Honda Civic, ada barang dalam kereta, iaitu satu beg galas dalam Honda Civic. Beg galas itu di atas tempat duduk belakang. Beg galas itu warna hitam. Saya ambil beg hitam dan simpan di dalam but Honda Civic. Beg itu tertutup. Saya tak pasti bagaimana ia ditutup. Saya tidak buka beg itu. Saya tidak masuk apa-apa barang dalam beg. Bila saya masukkan ke dalam but Honda Civic, saya tidak beritahu Tertuduh. Beg itu ada dalam but Honda Civic sampai pukul 6 petang. Tertuduh ada datang semula minta beg itu. Dia datang lebih kurang jam 6.30 petang. *Dia masukkan beg itu pukul 6.06 minit.*

Dalam tempoh 25 minit tiada sesiapa yang datang mengambil beg galas dari but Honda Civic. Tertuduh sendiri yang mengambil beg galas dari dalam but Honda Civic. Dia gunakan tangan untuk mengambil beg. Tertuduh bawa masuk beg itu ke dalam Volkswagen. Dia tinggalkan bengkel pukul 6.30 petang. Masa dia tinggalkan bengkel, saya tidak pasti kalau ada orang lain dengannya. Saya ada lihat dia tinggalkan bengkel di dalam Volkswagen. Saya tak pasti kalau orang lain masuk ke dalam Volkswagen kerana saya masih bekerja. Saya tidak tahu apa berada dalam beg hitam.

Saya tak tahu apa terjadi kepada Volkswagen tapi pukul 9.30 malam saya diberitahu oleh polis ada dadah dalam kereta Volkswagen.

Bila keseluruhan keterangan yang tersebut ditimbangkan, urutan peristiwa yang berlaku di bengkel SP1 dari jam 9 pagi 24 Jun 2004 sehingga lebih kurang jam 6.30 petang 24 Jun 2004 adalah jelas. Pada jam 9 pagi 24 Jun 2004, Azmani menghantar kereta Hondanya ke bengkel SP1 untuk diperbaiki. Masa menerima kereta Honda itu, SP1 lihat ada satu beg galas di atas tempat duduk belakang kereta itu. SP1 ambil beg itu dan simpan di dalam but kereta Honda. SP1 menjalankan kerja-kerja untuk membaiki kereta Honda sehingga jam 6 petang, tetapi ada kerosakan yang masih belum diperbaiki. SP1 telah meminjamkan kereta Volkswagen Datin Zaitun kepada Azmani untuk membolehkan Azmani pulang ke rumahnya. Azmani datang semula ke bengkel tersebut jam 6.30 petang. Azmani mengambil semula beg galas itu dari but kereta Honda dan membawa beg itu masuk ke dalam kereta Volkswagen. Selepas itu Azmani meninggalkan bengkel tersebut lebih kurang jam 6.30 petang. Urutan peristiwa-peristiwa tersebut tidak dipertikaikan ketika SP1 disoal balas. Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan SP1, kami memutuskan bahawa masa '6.06 minit' dalam keterangan SP1 yang dipertikaikan itu adalah kesilapan dari segi masa, yang pada hemat kami tidak menjejaskan intipati dan butir-butir yang material dalam keterangan SP1.

Dalam menilai keterangan SP1, kami berada dalam kedudukan yang serupa dengan YA hakim bicara kedua dalam erti kata kami bergantung kepada keterangan SP1 seperti yang terkandung dalam rekod rayuan kes ini. Setelah menilai keseluruhan keterangan SP1 itu, kami memutuskan bahawa YA hakim bicara kedua telah tidak membuat kesilapan dalam menerima keterangan SP1 untuk mengasaskan keputusannya.

ALASAN KEDUA

*Terdapat break dalam rantaian keterangan*

**[8]** Hujah mengenai alasan ini bukan *break* dalam rantaian keterangan mengenai barang kes dadah yang lazimnya ditimbulkan dalam perbicaraan kes dadah yang menjurus kepada identiti barang kes dadah. Dalam kes ini identiti barang kes tidak menjadi persoalan. Malahan dari keterangan yang dikemukakan tidak timbul keraguan bahawa empat ketulan mampat yang dirampas di tempat kejadian adalah empat ketulan yang sama yang telah dianalisa oleh ahli kimia (SP7) dan seterusnya di kemukakan di Mahkamah Tinggi. Dalam kes ini peguam berhujah bahawa terdapat *break* dalam rantaian keterangan kerana kunci kereta dan serangkai empat batang anak kunci yang dirampas tidak dikemukakan sebagai eksibit di mahkamah. Dalam keterangannya SP4 menyatakan bahawa selepas menemui empat ketulan mampat daun-daun kering dalam beg galas yang terletak di tempat duduk sebelah pemandu, dia telah memeriksa bahagian lain kereta Honda tetapi tidak menemui apa-apa barang salah. Menurut SP4, dia juga merampas satu rangkai empat batang kunci di bahagian kotak *gear*. Empat batang kunci inilah yang menjadi isu dalam hujah peguam. Peguam menyatakan bahawa empat batang anak kunci tersebut tidak disebut dalam senarai pemeriksaan ('P15') yang disediakan oleh SP4. Apa yang disebut dalam P15 'sebuah kereta jenis Volkswagen No. Pendaftaran WBY 9472 *berserta anak kunci*'. Menurut peguam, walaupun dalam keterangannya dalam soal balas SP4 menyatakan bahawa dia ada merujuk kepada empat batang kunci tersebut dalam P16 (senarai akuan penyerahan dan penerimaan barang di antara SP4 dan pegawai penyiasat (SP6)), keterangan itu tidak benar kerana perkataan 'anak kunci kereta' dalam P16 tidak mungkin boleh merujuk kepada empat batang anak kunci tersebut. Seterusnya, peguam menyatakan bahawa keterangan SP4 tentang empat kunci tersebut bercanggah dengan keterangan SP6 kerana dalam keterangannya SP6 menyatakan bahawa empat batang kunci tersebut adalah kunci rumah Azmani. Peguam menambah bahawa SP4 tidak tahu kunci mana yang dirujuk dalam keterangannya. Meneruskan hujahnya, peguam menyatakan walau apa pun diskripsi yang diberi kepada empat batang kunci tersebut dan juga kunci kereta Volkswagen, kunci-kunci tersebut telah tidak dikemukakan dalam keterangan. Ini menurut peguam, telah menyebabkan berlakunya *break* dalam rantaian keterangan. Peguam berhujah

bahawa kunci kereta dan serangkai empat batang anak kunci itu adalah keterangan yang penting dalam naratif kes pihak pendakwaan. Menurut peguam, kunci kereta itu adalah penghubung di antara kereta Volkswagen, Azmani dan beg galas berisi empat ketulan mampat. Kami tidak dapat menerima hujah peguam itu. SP4 mungkin telah terkeliru dalam keterangannya bahawa P16 membuat rujukan kepada empat batang anak kunci tersebut. Tetapi ini tidak menjejaskan keterangan SP6 bahawa empat batang anak kunci tersebut ditemuinya di kotak *gear*. Dalam penghakiman kami kedudukan kunci kereta dan empat batang kunci itu telah dijelaskan dalam keterangan SP6. Dalam keterangannya SP6 menyatakan bahawa selain dari beg galas dan empat ketulan mampat daun-daun kering, SP4 juga telah menyerahkan kepadanya kereta Volkswagen berserta anak kuncinya. Menurut SP6, kereta dan kunci kereta tersebut telah diserahkannya kepada Kpl Salleh bin Khamis di stor barang kes Ampang. Keterangan ini tidak dipertikaikan. Kedudukan mengenai empat batang anak kunci tersebut pula telah dijelaskan oleh SP6 dalam keterangannya seperti berikut:

> Semasa pegawai Chief Inspektor Radzi buat laporan tangkapan dan rampasan di pejabat saya, selepas siasatan dan soal siasat terhadap Tertuduh di mana telah membawa pasukan Chief Inspektor pergi ke rumahnya. Kunci ini adalah kunci rumah Tertuduh yang di mana pihak polis ada buat rampasan lagi di rumah Tertuduh yang sama — leading to recovery dan kejadian ini berlaku di luar daerah saya, di Daerah Brickfield, Kuala Lumpur dan masuk dalam pentadbiran KL. Kunci ini telah dijadikan eksibit untuk kes KL
>
> S: Encik bukannya Pegawai Penyiasat dalam kes di Brickfield?
>
> J: Ya.

**[9]** Jadi, empat batang kunci tersebut memang wujud. Kunci tersebut adalah kunci rumah Azmani yang telah digunakan dalam siasatan kes lain dan kunci tersebut telah dijadikan ekshibit dalam kes itu. Keterangan ini juga tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Dalam penghakiman kami fakta bahawa kunci kereta Volkswagen dan empat batang anak kunci tersebut tidak dikemukakan sebagai keterangan dalam kes ini tidak menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan. Fakta yang jelas dari keterangan SP4 dan SP5 ialah Azmani tiba di tempat kejadian seorang diri dengan memandu kereta Volkswagen. Selepas Azmani ditahan SP4 menemui beg galas berisi empat ketulan mampat di atas tempat duduk kereta itu sebelah Azmani. Itu yang penting.

ALASAN KETIGA

*Penjumpaan kad pengenalan Azmani dalam beg galas*

**[10]** Peguam berhujah bahawa keterangan SP4 bahawa dia menemui kad

pengenalan Azmani dalam beg galas tersebut adalah suatu keterangan yang tidak benar dan sengaja direka. Peguam berhujah bahawa adalah tidak masuk akal bagi Azmani meletakkan kad pengenalannya dalam beg tersebut. Menurut peguam, sebaliknya adalah sangat bermanfaat bagi pihak polis menyatakan bahawa perkara itu (iaitu menemui kad pengenalan Azmani dalam beg galas) berlaku. Peguam menambah bahawa pihak pendakwaan telah tidak mengemukakan sebarang penjelasan yang munasabah kenapa Azmani telah meletakkan kad pengenalannya dalam beg itu. Peguam berhujah bahawa pihak polis (SP4) telah berbohong tentang penemuan kad pengenalan Azmani dalam beg galas tersebut untuk menimbulkan inferens bahawa Azmani tahu mengenai kandungan beg galas tersebut. Menurut peguam, tanpa keterangan SP4 tentang penemuan kad pengenalan Azmani dalam beg galas tersebut, pihak pendakwaan tidak dapat mengaitkan Azmani dengan beg tersebut atau membuktikan bahawa Azmani mempunyai pengetahuan tentang beg tersebut. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Hujah bahawa SP4 berbohong tentang penemuan kad pengenalan dalam beg galas tersebut tidak ditimbulkan semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Hujah tersebut ditimbulkan pertama kalinya di hadapan kami. Dakwaan bahawa pihak polis berbohong dan memberi keterangan palsu dalam kes ini untuk menguatkan kes pengedaran dadah berbahaya terhadap Azmani adalah suatu dakwaan yang amat serius. Memberikan keterangan palsu apatah lagi dalam kes yang membawa hukuman mati adalah satu kesalahan yang sangat berat hukumannya di bawah Kanun Keseksaan. Kami dapati bahawa walaupun pihak pembelaan telah mempertikaikan keterangan SP4 tentang penemuan kad pengenalan Azmani dengan menyarankan (*put*) kepada SP4 bahawa kad pengenalan itu dijumpai dalam *wallet* Azmani, (yang dinafikan oleh SP4), tiada cabaran atau saranan dibuat kepada SP4 bahawa dia telah berbohong dalam menyatakan bahawa kad pengenalan Azmani dijumpai dalam beg galas tersebut untuk menimbulkan inferens bahawa Azmani tahu tentang kandungan beg galas tersebut. Adalah tidak adil dakwaan yang serius itu ditimbulkan di peringkat ini di mana SP4 tidak ada peluang lagi untuk memberikan penjelasan atau membela dirinya terhadap dakwaan tersebut. Dalam *Browne v Dunn* (1893) 6 R 67 (dirujuk dalam *Chua Beow Huat v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 29 dan *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1), Lord Herschell menyatakan di ms 70:

> Now, My Lords, I cannot help saying that it seems to me to be absolutely essential to the proper conduct of a cause where it is intended to suggest *that a witness is not speaking the truth on a particular point to direct his attention to the fact, by some questions put in cross-examination showing that that imputation is intended to be made, and not to take his evidence and pass it by as a matter altogether unchallenged and then, when it is impossible for him to explain, as perhaps he might have been to do if such questions had been put to him, the circumstances which it is suggested indicate that the story he tells ought not to be believed, to argue that he is a witness unworthy of credit.* My Lords, I have always understood that if you intend to impeach a witness you are bound, whilst he is in the box, to give him an opportunity of making any

explanation which is open to him, and, as it seems to me, that is not only a rule of professional practice in the conduct of a case, but is essential to fair play and fair dealing with witnesses.

**[11]** Kami tidak fikir keterangan SP4 bahawa kad pengenalan Azmani dijumpai dalam beg galas adalah tidak masuk akal dan oleh itu SP4 telah berbohong hanya kerana kad pengenalan lazimnya disimpan dalam *wallet*. Walaupun pihak pendakwaan memikul beban untuk membuktikan kes *beyond reasonable doubt*, ini tidak bererti pihak pendakwaan perlu memberikan penjelasan kenapa Azmani menyimpan kad pengenalannya dalam beg galas. Itu adalah perkara yang ada dalam fikiran Azmani. Hanya dia yang tahu kenapa dia berbuat demikian. Jika SP4 memberikan penjelasan mengenai perkara itu sekali pun itu akan hanya merupakan pandangannya sahaja yang bersifat spekulatif. Melainkan Azmani telah membuat pengakuan, SP4 tidak mungkin tahu apa yang ada dalam fikiran Azmani. Soal sama ada kad pengenalan Azmani ditemui dalam beg galas tersebut adalah soal fakta yang bergantung kepada keterangan SP4. YA hakim kedua yang berpeluang menyaksikan SP4 memberikan keterangan dan disoal balas, menerima keterangan SP4 bahawa dia menemui kad pengenalan Azmani dalam beg galas tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang alasan untuk mengusik keputusan YA hakim bicara itu.

**[12]** Sebenarnya kes terhadap Azmani bukan bergantung hanya kepada kad pengenalan yang dijumpai dalam beg galas. Terdapat juga keterangan lain yang telah dinilai dan diambil kira oleh YA hakim bicara kedua dalam membuat keputusan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Azmani. Seperti yang telah kami nyatakan, fakta yang jelas dari keterangan SP4 dan SP5 ialah Azmani tiba di tempat kejadian seorang diri dengan memandu kereta Volkswagen. Selepas Azmani ditahan, SP4 menemui beg galas berisi empat ketulan mampat di atas tempat duduk kereta itu di sebelah Azmani. Beg galas tersebut berisi empat ketulan mampat (yang disahkan mengandungi 3,857g *cannabis*). Adanya empat ketulan di dalam kereta Volkswagen dalam kedudukan seperti yang dibuktikan dalam keterangan, tanpa penjelasan yang munasabah dari Azmani, boleh menimbulkan inferens yang kuat bahawa Azmani mempunyai pengetahuan bahawa empat ketulan mampat tersebut mengandungi *cannabis*. Sehubungan ini, dalam *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, di ms 10 (MLJ); ms 349 (CLJ), Arifin Zakaria HMP (pada masa itu) menyatakan:

the presence of the three packages in the car without a plausible explanation from the respondent could give rise to a strong inference that he had knowledge that the packages contained drug or things of similar nature.

**[13]** Bukan itu sahaja keterangan terhadap Azmani. YA hakim bicara kedua juga mendapati bahawa:

> tindakan tertuduh datang semula ke bengkel SP1 untuk mengambil beg tersebut pada jam 6.30 petang menguatkan lagi inferen bahawa tertuduh menyedari dan mengetahui isi kandungan beg tersebut di mana di dalamnya mengandungi dadah berbahaya. Tertuduh sendiri yang mengambil beg tersebut dari but keretanya dan memasukkan beg tersebut ke dalam kereta Volkswagen dan meninggalkan bengkelnya. Satu jam kemudian tertuduh telah ditangkap.
>
> Mahkamah juga telah menimbangkan reaksi tertuduh semasa tangkapan dibuat. SP5 menyatakan reaksi tertuduh adalah tidak bermaya semasa tangkapan dibuat. Setelah mengambil kira faktor-faktor di atas, Mahkamah dapati kelakuan tertuduh ini ianya konsisten menunjukkan bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut.

**[14]** Dengan keterangan-keterangan yang sedemikian tiada keraguan di fikiran kami bahawa Azmani bukan sahaja mempunyai kawalan dan jagaan terhadap empat ketulan mampat dadah tersebut, tetapi juga mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut. Ertinya, pemilikan secara afirmatif (tanpa menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB) telah dibuktikan seperti yang diputuskan oleh YA hakim bicara kedua.

ALASAN KEEMPAT

*Keterangan Azmani tidak tergugat dan adalah lebih probable*

**[15]** Peguam berhujah bahawa walaupun beg galas tersebut berada dalam kereta berkenaan, Azmani tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya di dalamnya. Menurut peguam, keterangan Azmani tidak tergugat dan adalah lebih *probable* dari versi pihak pendakwaan. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Pembelaan Azmani telah dihuraikan oleh YA hakim bicara kedua dalam penghakiman beliau. Azmani mengakui bahawa dia telah menghantar kereta Hondanya ke bengkel SP1 untuk diperbaiki pada jam 9 pagi 24 Jun 2004 dan bahawa dia terus berada di bengkel tersebut sehingga keretanya siap lebih kurang 6.30 petang. Setelah memandu keretanya lebih kurang 500 meter Azmani mendapati kereta Honda itu masih ada masalah. Dia berpatah balik ke bengkel SP1 dan SP1 telah meminjamkannya kereta Volkswagen kepunyaan Datin Zaiton. Ini menurut Azmani berlaku pada lebih kurang jam 6.30 petang. Azmani memandu kereta Volkswagen dan pulang ke rumahnya. Sebelum memandu, Azmani telah memeriksa kereta Volkswagen dan mendapati tidak ada apa-apa barang dalam kereta itu. Tetapi dia tidak memeriksa dalam but kereta itu. Pada jam lebih kurang 7 malam Azmani sampai ke rumahnya. Menurut Azmani pada jam 7.15 malam dia telah menerima panggilan telefon dari Wan seorang pekerja di bengkel SP1. Wan memberitahu Azmani bahawa dia (Wan) ada menyimpan sebuah beg dalam

but kereta Volkswagen. Wan ingin tahu di mana rumah Azmani dan meminta Azmani berjumpa dengannya di sebuah petrol *pump* berhampiran dengan tol Kuala Lumpur atau Sg Besi atau Seremban. Azmani telah membuka but kereta Volkswagen dan mendapati ada sebuah beg biru gelap. Azmani mengambil beg tersebut dan meletakkannya di atas tempat duduk penumpang hadapan. Selepas itu Azmani bertolak dari rumahnya dan sampai ke tempat kejadian pada lebih kurang jam 7.40 malam di mana dia telah diserbu dan ditangkap oleh polis. Polis telah mengambil beg yang Azmani letakkan di atas tempat duduk penumpang hadapan dan memeriksanya di hadapan Azmani dan di dalamnya terdapat ketulan mampat daun kering dalam beg tersebut. Azmani menyatakan bahawa dia tidak tahu apa yang ada dalam beg tersebut sebelum polis membukanya. Pembelaan Azmani bahawa Wan menelefonnya memberitahu bahawa dia (Wan) menyimpan beg dalam kereta Volkswagen dan dia (Azmani) telah pergi ke tempat kejadian untuk berjumpa dengan Wan timbul buat pertama kalinya semasa Azmani memberi keterangan. Malahan, semasa SP1 disoal balas, pihak pembelaan telah mencadangkan (put) kepada SP1 bahawa beg yang dialih oleh SP1 dari dalam kereta Honda ke dalam but kereta itu, mengandungi laptop Azmani. Keterangan SP1 tentang perkara ini terserlah dari petikan dari keterangan SP1 seperti berikut:

A
B
C
D
E
F
G
H
I

Q: Kamu kata ada lihat beg hitam kepunyaan Tertuduh?

A: Ya.

Saya ambil beg itu dan pindahkan ke belakang bonet. Beg itu berat juga.

Q: Awak tak tahu kandungannya?

A: Tak tahu.

Q: *Saya katakan beg itu mengandungi laptop.*

A: *Saya tak pasti.*

Q: Kamu tak buka dan tak tahu kandungannya?

A: Ya.

…

Q: Saya katakan masa di bengkel *Tertuduh ada gunakan laptopnya.*

A: Saya tidak perasan. Saya sibuk dengan membuat kerja.

Q: *Dia gunakan beg dengan laptopnya?*

A: Saya tidak perasan.

**[16]** Bentuk pembelaan orang kena tuduh dikenal pasti bukan sahaja dari keterangan orang kena tuduh tetapi juga dari corak dan halatuju pemeriksaan balas yang dilakukan terhadap saksi-saksi pihak pendakwaan (lihat *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)*). Jika cerita mengenai Wan seperti yang diberikan oleh Azmani dalam keterangan itu benar tidak ada sebab

kenapa perkara itu tidak disarankan (*put*) kepada SP1 dan saksi-saksi pendakwaan yang lain. YA hakim bicara kedua memutuskan (dan kami bersetuju dengan beliau) bahawa pembelaan Azmani adalah suatu yang difikirkan kemudian (*afterthought*). Kami dapati YA hakim bicara kedua telah menilai dengan secukupnya keterangan pembelaan Azmani dan mengujinya dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan. Setelah berbuat demikian YA hakim bicara kedua mendapati bahawa Azmani gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Berikutan itu YA hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap Azmani melampaui keraguan yang munasabah bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya seperti pertuduhan terhadapnya.

**[17]** Setelah menimbangkan dengan teliti keterangan yang terdapat dalam rekod rayuan kes ini dan juga alasan penghakiman YA hakim bicara kedua, kami berpuas hati sabitan dan hukuman terhadap Azmani adalah selamat.

**[18]** Rayuan Azmani ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya disahkan.

*Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman mati disahkan.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum